



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI SELASA, 24 SYA'ABAN 1445 / 05HB MAC 2024
(HARI KEENAM)**

1. Do'a Selamat

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

- 2.1.1. Jawatankuasa menimbangkan tajuk tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga SH06A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- 2.1.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, iaitu:
 - i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
 - Menyentuh mengenai kesukaran mendapatkan batang pokok rumbia dan mengharapkan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan dapat memperkenalkan program kesedaran dan penanaman pokok rumbia secara besar-besaran;

- Mencadangkan agar Jabatan Kemajuan Pelancongan akan dapat mengadakan perbindangan dengan Jabatan-jabatan dan Agensi yang berkenaan bagi mengkoordinasi dan menyediakan kalendar acara tahunan Negara Brunei Darussalam; dan
 - Mencadangkan untuk mengadakan program Tahun Melawat Brunei untuk memajukan lagi industri pelancongan Negara Brunei Darussalam.
- ii. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
- Menyatakan bahawa beberapa pembaikan diperlukan berkaitan pengendalian sistem pengangkutan awam terutamanya bas dan aspek tertentu seperti jadual bas, kualiti perkhidmatan dan kemudahan bagi kegunaan pelancong;
 - Mencadangkan membuat aplikasi bas yang diuruskan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan kualiti dan kredibiliti bagi memudahkan pengguna;
 - Mencadangkan agar jarak perhentian bas yang berjauhan dipertimbangkan semula;
 - Menyatakan keperluan bagi merangka strategi bagi menarik lebih ramai orang untuk menceburi bidang perkhidmatan *e-hailing*;
 - Menyarankan untuk mempertimbangkan kaedah bayaran pengangkutan awam yang lebih mudah dan cekap; dan
 - Menyeru bagi menambahbaik produk-produk pelancongan termasuk mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat tarikan pelancong dengan peruntukan yang telah disediakan.
- iii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
- Mencadangkan industri ikan hiasan untuk dimajukan bagi mempelbagaikan ekonomi

bukan minyak dan gas melalui. Inisiatif seperti bimbingan memelihara ikan hiasan, suntikan modal perniagaan yang menggalakkan permulaan dan juga memudahcara dalam memasarkan produk ikan hiasan bagi tujuan *export* dan pasaran tempatan juga dicadangkan;

- Ingin mengetahui sekiranya terdapat pengusaha-pengusaha bagi industri ikan hiasan di negara ini; dan
- Memohon penjelasan mengenai perkembangan aktiviti pelancong di Daerah Temburong dan menyoalkan keramaian pelancong berkunjung ke Daerah Temburong.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;

- Memohon pencerahan mengenai perkembangan penanaman pokok gaharu dan menyoal sekiranya ada berlaku aktiviti-aktiviti penanaman haram dan kecurian yang direkodkan; dan
- Menyoalkan sekiranya terdapat perancangan ke arah memperkayakan sumber alam pasir putih di masa akan datang.

v. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;

- Memohon pencerahan mengenai kaedah dan cara pengurusan bantuan subsidi baja yang disediakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan jenis-jenis bantuan lain yang disediakan oleh pihak kerajaan;
- Memohon penjelasan mengenai syarat-syarat memperbaharui tanah Skim Kelompok Pertanian Luar Bandar (KPLB) dan syarat-syarat khusus bagi membolehkan tanah KPLB diberikan status lesen sementara (TOL); dan

- Memohon pencerahan berkenaan jumlah tempat menarik yang berpotensi seperti kawasan Sungai Ingei Ulu Belait dan Tasek Merimbun di Tutong yang belum dibukakan untuk kunjungan orang ramai dan pelancong.
- vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
- Ingin mengetahui perkembangan dan pencapaian projek penanaman padi secara komersial di kawasan Kandol Fasa 1 dan 2 serta status perkembangan kemajuan Fasa 3;
 - Ingin mengetahui tentang perkembangan yang telah dicapai berkaitan kajian yang telah atau sedang dilaksanakan berkaitan jenis padi yang didatangkan dari Negara China dan Indonesia yang mempunyai potensi;
 - Menyarankan agar pihak Kerajaan dapat memberi perhatian lebih terhadap potensi padi bukit untuk membolehkan penanaman padi bukit secara besar-besaran; dan
 - Mengemukakan cadangan bagi pembinaan tempat penurunan (jetty) perahu di Pekan Belait bagi kegunaan nelayan.
- vii. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;
- Memohon pencerahan mengenai punca kadar sara diri termasuk komoditi padi dan komoditi kerbau-lembu yang masih lagi di bawah sasaran dalam jangka masa yang lama iaitu 5 hingga 10 tahun dan menekankan keperluan penyelidikan bagi mengenal pasti punca-punca ketidakcukupan sara diri dalam komoditi-komoditi tersebut;
 - Ingin mengetahui strategi dan inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memperluaskan penyertaan usaha tempatan khusus bagi penglibatan

- golongan belia termasuk lepasan graduan jurusan agrimakanan;
- Mencadangkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempergiatkan penyelidikan yang sedia ada yang merangkumi kajian kualiti tanah dan persekitaran di tapak pertanian yang dipilih;
 - Menyeru bagi bimbingan dari aspek pengurusan kewangan dan pemasaran bersama pakar-pakar yang berkaitan untuk diberikan kepada pengusaha baharu dengan kerjasama agensi yang berkenaan;
 - Menekankan penggunaan luas teknologi terkini dan kaedah-kaedah baharu dengan memberikan kemudahan peralatan yang bersesuaian;
 - Mencadangkan untuk membuka lebih banyak kawasan baharu bagi penanaman padi dan ternakan kerbau dan lembu, dengan dilengkapi keperluan asas untuk diusahakan secara komersial oleh anak tempatan secara persendirian atau berkumpulan;
 - Mencadangkan untuk memperluas perusahaan industri penanaman padi dan penternakan ke luar negara melalui usaha *joint venture*; dan
 - Menyeru agar usaha dan inisiatif meningkatkan produktiviti dan taraf sara diri komoditi padi dan ternakan untuk diteruskan.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

2.2. **KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A.

2.2.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu:

- i. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
 - Menyoalkan mengenai perancangan bagi graduan kursus pertanian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) selepas tamat kursus serta usaha dan inisiatif kerajaan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran dimanfaatkan sepenuhnya;
 - Mencadangkan supaya pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melaksanakan satu projek rintis (*pilot project*) dengan menubuhkan syarikat kerjasama di sektor pertanian yang menggunakan teknologi baharu dan pembiayaan awal oleh pihak BEDB, Bank Usahawan dan BIBD dalam penyediaan pinjaman wang dengan kadar sifar faedah pada tahun pertama dan faedah yang rendah pada tahun-tahun seterusnya bagi mahasiswa yang menamatkan pengajian;
 - Menyarankan bagi bimbingan dan pemantauan dari segi kemahiran teknikal melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, BEDB, DARE serta bimbingan daya tahan dan jati diri dengan menyertai PKBN; dan
 - Mencadangkan agar makmal kultur benih tanaman ditawarkan dan dijalankan oleh lepasan graduan UNISSA dan IBTE dalam jurusan pertanian.

- ii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;
- Menyarankan bagi penambahbaikan kawasan-kawasan seperti galeri pelancongan Kampong Ayer, peningkatan kemudahan Pulau Selirong serta Taman Rekreasi Luagan Lalak;
 - Ingin mengetahui jika perbelanjaan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mencukupi bagi tujuan-tujuan pelancongan, kerana terdapat perbezaan yang besar daripada peruntukan promosi pelancongan negara jiran;
 - Menyoalkan sekiranya penilaian strategi telah dibuat untuk meningkatkan jumlah pelancong ke Negara Brunei Darussalam, dan menyarankan bagi promosi yang lebih agresif untuk diusahakan bagi meningkatkan produktiviti dan hasil daya industri pelancongan negara;
 - Menyoalkan sekiranya pertimbangan dibuat bagi membangunkan pusat konservasi flora dan fauna dan pusat budaya;
 - Memohon pencerahan sekiranya boleh diselaraskan inisiatif pelancongan hijau kepada setiap lapisan masyarakat Negara Brunei Darussalam; dan
 - Menyoalkan sekiranya terdapat inisiatif untuk mengembangkan pelancongan *high end* dan *digital nomad*.
- iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;
- Memohon pencerahan aspek keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan berpendapat bahawa sasaran yang dibuat perlu disemak semula dan dipertingkatkan;
 - Memohon pencerahan akan strategi-strategi yang berimpak tinggi serta produk-produk istimewa (lain daripada yang lain) yang boleh

melonjakkan sumbangan sektor pelancongan dalam meningkatkan pengaliran wang masuk ke Negara Brunei Darussalam serta menambah peluang pekerjaan;

- Menyarankan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat kerjasama yang strategik dengan hotel-hotel kepunyaan kerajaan seluruh dunia dengan mengadakan program khas membawa masuk *loyal clients* dan mengadakan *international events* serta meneroka kolaborasi dengan negeri jiran untuk mengadakan pakej menjelajah kepulauan Borneo;
- Memohon penjelasan mengenai *coordinated approach* dan pensejajaran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kementerian lain yang berkepentingan ke arah mempromosikan pelancongan lain selain *ecotourism*, dan ingin mendapatkan perkembangan mengenai langkah-langkah strategik yang dilaksanakan setakat ini bagi merealisasikan perkara ini;
- Menyeru agar keberkesanan Lembaga Kemajuan Pelancongan disemak semula;
- Memohon pencerahan mengenai bentuk aktiviti penyelidikan kementerian dan agensi-agensi berkenaan dalam memajukan industri pertanian dan akuakultur agar lebih mampan dan berdaya saing;
- Mencadangkan agar liputan dan pemberitaan meluas dan berterusan dibuat bagi belia-belia dalam sektor pertanian, perikanan dan pelancongan dalam media massa dan sosial;
- Mengajukan pertanyaan samada terdapat usaha bersama Radio Televisyen Brunei untuk mengadakan segmen khas bagi menyebarkan usaha belia-belia dalam bidang pertanian, perikanan, pelancongan secara keseluruhannya;

- Ingin memohon penjelasan mengenai punca penurunan statistik nilai keluaran kasar sektor makanan, industri pertanian, agrikultanan, sektor perikanan dan jumlah pekerjaan di bawah industri pertanian dan perikanan pada laporan tahun 2023;
- Menyoal tentang keberadaan pekerja-pekerja yang terkesan ataupun di *retrenched* dan daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah bilangan yang terdiri daripada pekerja tempatan; dan
- Ingin mengetahui strategi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk meningkatkan semula penghasilan industri pertanian, perikanan dan agrikultanan.

iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;

- Memohon pencerahan berkenaan strategi dan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk meningkatkan lagi dari segi produktiviti dan pengeluaran yang lebih tinggi yang bermotifkan *commercialisation* sehingga mampu menghasilkan industri hiliran;
- Menyoal tatacara untuk menyakinkan pengusaha-pengusaha industri pertanian, perikanan dan perhutanan dalam usaha membesarkan dan memperluaskan perusahaan mereka ke arah yang lebih mampan (*sustainable*);
- Ingin mengetahui berapa buah syarikat atau individu tempatan yang berjaya mengeksport produk-produk tempatan ke pasaran luar negeri;
- Memohon pencerahan jenis kemudahan-kemudahan atau insentif-insentif bagi mendapatkan modal untuk memulakan perusahaan dan juga mengembangluaskan

perusahaan-perusahaan tanpa memudaratkan atau membebankan pengusaha-pengusaha tempatan;

- Memohon pencerahan apakah bentuk insentif atau pemudahcara sebagai dorongan pihak kerajaan dalam mentransformasikan industri pertanian, perikanan dan perhutanan dengan menggunakan aplikasi teknologi atau *mechanisation* yang lebih canggih dan moden menjurus kepada *capital intensive industries*;
- Menyoal mengenai strategi dan perancangan jangka panjang atau sederhana untuk menerokai potensi-potensi produk yang boleh mengeluarkan industri hiliran dalam industri pertanian, perikanan dan perhutanan;
- Menyeru untuk meningkatkan kualiti prasarana sistem pengangkutan dan fasiliti-fasiliti awam supaya menjadi efisien, boleh dipercayai dan boleh dicapai. Destinasi-destinasi pelancongan mestilah dinaikkan penjagaannya, kebersihannya dan juga fasiliti-fasilitinya hendaklah diperbaiki dan dipermudahcara;
- Menyeru Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyemak semula dan memperbaharui strategi atau inisiatif yang lebih kreatif dan berinovatif khususnya kepada keistimewaan dan keunikan negara ini;
- Memohon pencerahan sekiranya telah diwujudkan satu jawatankuasa peringkat negara bagi mengenal pasti dasar atau strategi untuk mengembangkan lagi industri pelancongan supaya mampu menyaingi negara jiran;
- Menyeru untuk bekerjasama dengan negara *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)* atau *Brunei, Indonesia, Malaysia and the Philippines-East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)* untuk memperkenalkan keunikan dan

keistimewaan budaya di negara ASEAN dan BIMP-EAGA;

- Memohon pencerahan keberkesanan pelaksanaan *Brunei Darussalam Food Authority* (BDFA) untuk memastikan kualiti produk makanan adalah tejamin keselamatan dan kesihatan bagi pengguna; dan
- Memohon pencerahan mengenai peranan BDFA dalam membantu produk-produk tempatan dalam pengeksportan ke luar negara dan menyoalkan sama ada bentuk piawaian yang digunakan dan diamalkan oleh BDFA adalah diterima dan diakui oleh badan autoriti khususnya bagi mengeksport produk-produk tempatan ke luar negara.

v. Yang Berhormat Awang Lau How Teck;

- Mencadangkan untuk meningkatkan penggunaan infrastruktur inisiatif rumah hijau dengan menggunakan kaedah '*mix crop farming*' iaitu sistem perladangan penanaman pelbagai jenis tanaman;
- Berharap agar pihak kementerian dapat mempelbagaikan lagi penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran dengan memanfaatkan kajian dan dapatan daripada *research dan development* yang dilakukan;
- Ingin mengetahui mengenai perancangan komprehensif dalam menggalakkan dan menarik perhatian Pelaburan Langsung Asing (FDI) dalam sektor pertanian dan perikanan;
- Ingin mencadangkan penggunaan kaedah baja '*compost*' sebagai salah satu alternatif yang lebih murah berbanding menggunakan baja *nitrogen, phosphorus, and potassium* (NPK);
- Menyeru pihak berkepentingan untuk sentiasa turun padang ke ladang-ladang sebagai salah satu langkah mandatori; dan

- Menyarankan pihak berkaitan untuk mengadakan kolaborasi dengan agensi-agensi yang berkepentingan seperti *Brunei Innovation Lab* untuk mempelbagaikan teknik dan pendekatan dalam mengembangkan pelaksanaan *research and development* dalam sektor pertanian dan agrimakanan agar terus dilanjutkan dan dipanjangkan secara teratur, berkesan dan dilakukan secara kolaboratif.
- vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;
- Berpendapat untuk mengadakan dana bagi membolehkan skim pinjaman bagi peladang-peladang dan pengusaha yang ingin berkecimpung dalam industri pertanian dan peternakan;
 - Menyeru bahawa skim bantuan subsidi dan *grants* serta sokongan yang tidak putus adalah penting bagi memajukan industri makanan;
 - Menyoalkan jika pihak Kementerian sudah memikirkan untuk meneliti semula aset-aset yang boleh menarik pelancong seperti Empire Hotel & Country Club, Jerudong Park Playground, Royal Regalia, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah untuk dinaiktaraf dan *rebranding*;
 - Mencadangkan untuk mencari '*new angle*' untuk mempromosi pelancongan di negara ini seperti dengan lawatan/kunjungan pelajar-pelajar sebagai salah satu *niche* pelancong dan seterusnya menyarankan pihak Kedutaan dan Suruhanjaya Negara Brunei Darussalam bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan kepada pelajar-pelajar ASEAN; dan

- Menyarankan untuk melibatkan kementerian-kementerian lain sebagai *stakeholders* untuk memberikan kerjasama sama-sama bertindak dan bergerak sehaluan dalam mempromosikan industri pertanian dan pelancongan.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI RABU, 6HB MAC 2024 JAM 9.30 PAGI]
